

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS ■ KELUARAN 8/2023 BIL. 18 ■

Inspirasi



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اوتريسي قنديدين سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



PENERAJU
KEBITARAAN
PENDIDIKAN

قروو مهيوان القديدين

SITC • MPSI • IPSI • UPSI • 1922-2022



Majalah Inspirasi

Majalah universiti yang diterbitkan empat bulan sekali berkonsepkan inspirasi dan eksplorasi untuk santapan pembaca

Keluaran 8/2023 Bil. 18

Ogos 2023

ISSN 1823-9331

SIDANG EDITORIAL

Prof. Madya Dr. Mohd Izwan bin Shahril
Prof. Madya Dr. Ghazali bin Din
Dr. Norfaizah binti Abdul Jobar
Marini binti Masdar
Ramli bin Mosmin
Datin Norhayati binti Hood
Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

WARTAWAN

Prof. Madya Dr. Ghazali bin Din
Ramli bin Mosmin
Dr. Raja Ahmad Shalaby bin Raja Hassan
Mohd. Razalli bin Ahmad Termizi
Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

JURUFOTO

Fisol bin Ahmad
Shahidah binti Abu Hassan
Nurul Hasniza binti Mohd Rashid
Muhammad Zuhad bin Abdul Aziz

REKA BENTUK KULIT

Redzuan Shah bin Datu Sahadun

KONSEP DAN REKA LETAK

Ramli bin Mosmin

TEKNIKAL

Mohamad Yunus bin Mohd Mustafa

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Bangunan Canseleri
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim
Perak
Emel: ccd@upsi.edu.my
Tel: 05-450 6661

@HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan majalah ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti Pendidikan Sultan Idris.





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



PENCIPTA LOGO
Nurmaisara binti Ahmad
 Pejabat Karang Mengarang




Logo UPSI berwarna keemasan diletakkan dalam angka 100 bagi memaparkan legasi SITC, MPSI, IPSI dan UPSI selama 100 tahun yang masyhur dalam membina kebitaraan pendidikan negara.

Bangunan Suluh Budiman dalam angka 100 berwarna keemasan melambangkan bangunan ini kekal utuh sejak era SITC. Bangunan ini telah digazetkan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan pada 14 Februari 2009 di bawah akta Warisan Kebangsaan 2005 justeru menjadi salah satu simbolik kemegahan UPSI.



Garisan lengkung di bawah angka 100 tahun melambangkan gelombang peredaran zaman kegemilangan UPSI. Perubahan ini dimulakan dengan SITC, MPSI, IPSI, UPSI selain meletakkan angka 1922-2022 sebagai bukti era kewujudan UPSI hingga kini.



Warna emas cerah melambangkan kegemilangan, kekayaan ilmu dan kemasyhuran pendidikan manakala warna emas gelap melambangkan daya saing, keyakinan, kerjasama sepasukan dan evolusi pendidikan yang berterusan.

PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN

Peneraju Kebitaraan Pendidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris menerajui dunia pendidikan bersandarkan nilai kebitaraan setiap warga UPSI.

قنراجو كبيتاراءن قنديدقن

Peneraju Kebitaraan Pendidikan Institusi pendidikan terulung ini sentiasa memartabatkan tulisan jawi dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Keluaran Buletin Inspirasi selepas penjenamaan semula sudah memasuki edisi yang keenam. Kandungannya masih memaparkan konsep yang sama, membawa pembaca mengenali lebih

dekat lagi staf akademik, pentadbiran, alumni dan pelajar tentang pengalaman yang mereka lalui sebagai panduan dan inspirasi buat pembaca. Pemilihan mereka yang menghiasi ruangan majalah merentas gred jawatan yang dimiliki.

Saya mengharapkan melalui perkongsian mereka ini mampu melonjakkan bakat dan kebolehan pembaca dari sisi positif sekaligus mampu untuk meningkatkan produktiviti tugas masing-masing yang telah diamanahkan. Kami sidang editorial amat mengalu-alukan sumbangan berbentuk pengalaman dari pembaca untuk diterbitkan agar menjadi sebahagian sumbangan kecil kita kepada universiti tercinta.

Dalam kita berkongsi cerita ini, tidak dilupa akan tugas dan kewajipan setiap kakitangan dan warga UPSI untuk menjalankan tugas mengikut kepakaran dan bidang masing-masing. Walaupun sudah melepasi majlis penting dalam sambutan 100 tahun empat era SITC, MPSI, IPSI dan UPSI. Kita tidak harus leka dengan kejayaan penganjuran majlis yang sudah berlalu, kerana banyak tugas yang menanti termasuk program yang telah disusun dan dirancang pada masa hadapan, seperti Majlis Konvokesyen, kehadiran Menteri Pengajian Tinggi dan Perdana Menteri pastinya akan menjadi satu pengalaman yang akan mengujakan. Ayuh semua warga kerja UPSI untuk berganding bahu untuk sama-sama menjayakan program yang bakal berlangsung tidak lama lagi. Sekian.



**PROFESOR MADYA DR.
MOHD IZWAN SHAHRIL**

NAIB CANSOLOR



MD. AMIN

PROFESOR DATO' DR.
MD AMIN MD TAFF

1 Mei 2023: Hari pengasasan UPSI yang ke-26

Assalamualaikum Wbt dan Salam Seabad Ibu Kandung Suluh Budiman

1 Mei merupakan hari yang sangat bersejarah dan harus diingat buat seluruh warga UPSI kerana ia merupakan hari pengasasan UPSI setelah melangkah masa yang amat panjang merentasi empat era dari SITC, MPSI dan IPSI. Tahun 2023 ia merupakan tahun ke-26 penubuhan UPSI. Setelah melalui pelbagai cabaran dan rintangan, kini UPSI berada pada kedudukan ranking 151 terbaik di dunia dalam bidang pendidikan.

UPSI berhasrat untuk mencapai kedudukan sekurang-kurangnya 100 terbaik di dunia dalam bidang pendidikan menjelang tahun 2030.

Dengan hampir 27 ribu pelajar yang bukan sahaja dari dalam negara bahkan juga datang dari seluruh pelusuk dunia yang sedang melanjutkan pelajaran di UPSI, ini membolehkan UPSI terus berkembang seiring dengan kemajuan pendidikan negara.

Dahulu UPSI hanya berpusat di Kampus Tanjong Malim, kini UPSI mempunyai tiga kampus lain iaitu di Proton City dan kampus yang ketiga sedang dibangunkan di Teluk Intan akan siap sepenuhnya dalam beberapa tahun lagi. Oleh itu marilah kita berganding bahu tanpa mengira perbezaan pangkat sama ada pelajar, staf alumni dan masyarakat setempat untuk menggembeng tenaga berkorban bukan hanya untuk UPSI tetapi juga untuk memartabatkan pendidikan negara agar mampu bersaing di peringkat dunia dan yang lebih tinggi.

Pendidikan merupakan harta yang tidak ternilai untuk membangunkan sesebuah organisasi termasuk UPSI.

Kebetulan Hari Pekerja jatuh pada 1 Mei hari yang sama dengan hari pengasasan UPSI. Oleh itu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua staf yang merupakan tulang belakang dan perwira sebenar atas segala jasa, pengorbanan dan curahan kudrat dalam membangunkan UPSI seterusnya kepada negara yang tercinta. Peranan kakitangan dapat dilihat dengan kejayaan-kejayaan yang dicapai sama ada dalam penganjuran acara, peningkatan ranking melalui pengajaran, penyelidikan dan juga melalui pencapaian dalam bidang sukan. Kejayaan-kejayaan ini secara tidak langsung telah menaikkan nama UPSI di dalam mahupun di luar UPSI. #DemiUPSI

Inspirasi Keluaran ini

Inspirasi Pentadbir

Berdedikasi dan komited dengan kerjaya, Muhammad Tarmizi buktikan dalam tempoh pandemik COVID-19 beliau berjaya memastikan Pusat Islam UPSI sentiasa dinamik sebagai sebuah entiti Islam yang relevan, dirujuk dan dihormati.

10



Inspirasi Akademia

Dekan pertama Fakulti Sains Sukan yang memperkenalkan program pesisir di Sarawak, Prof. Dr. Shaharudin menyokong penuh penggunaan psikologi sukan untuk bantu atlet mencapai potensi dan membangunkan kemahiran mental yang diperlukan untuk berjaya.

16



Eksplorasi Muallim

Kedai yang wajib 'diterjah' bagi penggemar sup utara dan sangat terkenal di Tanjung Malim. Saudagaq Sup Junior (SSJ) ikat pelanggan dengan aneka sup serta nasi ayam resepi Pak Long dan Mak Tam.

20



Warisan Ibu Kandung

Surau An-Nur atau dipanggil Surau Pak Aris sewaktu era MPSI. Surau kecil warisan dari zaman SITC dibina serentak dengan Bangunan Suluh Budiman kini berusia lebih 100 tahun.

24



Di sebalik profesion

Pembabitannya dalam perniagaan hanyalah sekadar suka mencuba menghasilkan pelbagai kek dan menjamu rakan-rakan kerana sudah menjadi minat dan hobinya. Azuaniza tidak menjangkakan ia menjadi sumber pendapatan tambahan kepadanya.

30



Lain-lain

36

Wira kita

Permulaan pada usia yang lambat dalam sesuatu bidang tidak menghalang untuk kita berjaya. Asalkan punya minat, disiplin dan ilmu dalam bidang tersebut pasti kita berjaya. KIB semakin mencipta nama dalam bidang muzik terutamanya dalam alat muzik drum dan acara berbasikal MTB XCO.





Jiwa seorang pentadbir, Muhammad Tarmizi rela tinggalkan kerjaya pensyarah



Oleh:
Mohd Razalli bin Ahmad
Termizi
razalli@upsi.edu.my

LATAR BELAKANG DAN PENDIDIKAN

Ustaz Muhammad Tarmizi bin Abdul Rahman dilahirkan di Sungai Dua, Butterworth, Pulau Pinang pada 7 April 1977. Kini, berumur 47 tahun dan telah berkhidmat di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sejak 1 April 2003. Beliau merupakan anak bongsu daripada sembilan orang adik-beradik. Ayahnya bekerja sebagai Pembantu Am Rendah di Maybank dan ibunya merupakan seorang suri rumah. Beliau telah mendirikan rumah tangga pada tahun 2002 dan dikurniakan enam orang cahaya mata. Isteri beliau bertugas sebagai guru Pendidikan Islam di SJKC Chung Sin, Tanjong Malim.

Pendidikan awalnya bermula pada tahun 1984 di Sekolah Kebangsaan Sungai Dua, Pulau Pinang, kemudiannya melanjutkan pelajaran di peringkat menengah di Madrasah al-Masriyah, Bukit Mertajam dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Al-Irsyad Pokok Sena, Pulau Pinang. Seterusnya, beliau melanjutkan pelajaran di peringkat asasi di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), Nilam Puri pada tahun 1995 hingga 1996. Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Usul) pada tahun 2000 dan Ijazah Sarjana Syariah (Fiqh dan Usul) pada tahun 2002 daripada Universiti Malaya. Semasa pengajian di peringkat sarjana, beliau telah berkhidmat sebagai Pegawai Eksekutif di Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya pada Mac 2002 hingga Mac 2003.

KERJAYA DI UPSI

Ustaz Muhammad Tarmizi mula berkhidmat sebagai Penolong Pendaftar (Pegawai Tadbir), Gred N41 pada 1 April 2003. Pada 1 April 2008 beliau dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pendaftar Kanan, Gred N44, kemudiannya pada 1 Jun 2016 dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pendaftar,

Gred N48 dan seterusnya pada 1 Disember 2021 dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pendaftar Kanan, Gred N52.

Sebelum menjawat jawatan sebagai Pengarah Pusat Islam, beliau berkhidmat sebagai Penolong Pendaftar di Jabatan Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) pada April 2003 hingga Oktober 2007, Penolong Pendaftar Kanan di pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa (TNCAA) pada November 2007 hingga Januari 2012. Di antara tempoh tersebut iaitu Oktober hingga Disember 2007, beliau pernah menjadi pensyarah di Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK) dengan mengajar subjek Kepenggunaan dan Pendidikan Moral. Oleh kerana jiwanya lebih cenderung kepada pentadbir, maka beliau tidak meneruskan kerjayanya sebagai pensyarah. Seterusnya, beliau bertugas sebagai Timbalan Pendaftar di Pejabat Naib Canselor pada Februari 2012 hingga Jun 2017 dan dilantik sebagai Timbalan Pengarah di Pusat Ulul Albab pada Julai 2017 hingga April 2020. Beliau seorang yang bertanggungjawab, berdedikasi, komited dan aktif. Sepanjang 20 tahun

perkhidmatan, beliau telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dan sentiasa berusaha untuk memajukan diri dan organisasi ke peringkat yang terbaik. Buktinya, walaupun dalam tempoh pandemik COVID-19 beliau berjaya memastikan Pusat Islam sentiasa dinamik dan memandangkan positif ke hadapan dengan menjadikannya sebagai sebuah entiti Islam yang sentiasa relevan, dirujuk dan dihormati. Hasilnya, sepanjang 2020 khasnya Pusat Islam UPSI telah menjalankan 305 aktiviti takmir masjid, 113 aktiviti dakwah dan pembangunan insan, enam program sambutan kebesaran Islam dan beberapa program lain seperti bimbingan dan penasihat, kebajikan, 'corporate social responsibility' (CSR) dan pengkomersialan. Maka, tidak mengejutkan semua langkah tersebut telah menjadi penanda aras oleh Pusat Islam UiTM, UMK, UPM dan Kampus Islam Bangi.

Di antara sumbangan ikhtisas yang diberikan oleh Ustaz Muhammad Tarmizi setakat ini ialah sebagai pembentang kertas kerja, 'Pengurusan hal ehwal Islam di universiti pasca Covid-19: suatu cabaran', sempena Konvensyen Pentadbir Universiti Awam Malaysia anjuran Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam (MASTI) pada 29 Mac 2020.

penceramah 'Formula T.A.Q.W.A dalam tadbir urus universiti', sempena Siri Syarahan Pentadbir Universiti Awam Siri 9/2021 anjuran Jawatankuasa Sumber Manusia Universiti Awam (JKSMUA), pada 27 Oktober 2021, panel penilai pembentangan bagi Persidangan Sumber Manusia 2023 (PERSUMA'23), anjuran Bahagian Sumber Manusia (BSM) dengan kerjasama Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PRESTASI) dan Kesatuan Pegawai Am (KPA) UPSI pada 14 hingga 15 September 2023 dan panel pemilihan Anugerah Al-Quba (Pengurusan Masjid) dan Al-Baqi' (Pengurusan Tanah Perkuburan Terbaik), sempena Sambutan Ma'al Hijrah Negeri Perak Darul Ridzuan 1445H/2023.

Pengiktirafan yang diperolehi oleh Ustaz Muhammad Tarmizi adalah seperti berikut:

- Timbalan Presiden, Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PRESTASI), 2011-2012
- Pakar Rujuk Deskripsi Tugas (Job Description) Pusat Tanggungjawab, 2018 - 2020
- Bintang Pingat Kelakuan Terpuji (P.K.T), oleh Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, pada 8 Julai 2017

- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UPSI, 2006, 2010, 2014
- Anugerah Pentadbir Harapan UPSI, 2014
- Anugerah Pentadbir Gemilang (Penulisan Ilmiah) UPSI, 2022

Dalam pentadbiran universiti, beliau terlibat dalam beberapa Jawatankuasa, antaranya ialah Pengerusi Masjid Al-Mursyidin UPSI, AJK Teras Gangguan Seksual UPSI, AJK Hal Ehwal Islam Universiti-universiti Malaysia, AJK Tabung Amanah Zakat UPSI dan AJK Tabung UPSI Prihatin. Beliau juga terlibat sebagai penyampai kuliah agama di Masjid Al-Mursyidin UPSI. Beliau aktif dalam sukan berbasikal, petanque dan memanah, dan pernah dilantik sebagai Pengurus Kontinjen Rahman Talib bagi kejohanan Sukan Staf UPSI (KUESTA).

PENULISAN, PENERBITAN DAN KEMASYRAKATAN

Beliau aktif menulis artikel keagamaan di akhbar-akhbar seperti di Berita Harian, Utusan Malaysia, Kosmo dan Harian Metro. Antara yang terkini ialah 'Budaya Integriti Cerminan Ummah, Negara Berkualiti', Berita Harian pada 6 Oktober 2023, 'Didik rohani, pulih jasmani sepanjang Ramadan', Berita Harian pada 2 April 2023, 'Bina

negara berdasarkan acuan piagam Madinah', Berita Harian pada 26 Februari 2023, 'Pemimpin perlu pandu rakyat selamat di dunia, akhirat', Berita Harian pada 15 Januari 2023 dan 'Reda diberi Ujian Perlu Seiring Usaha Elak Musibah', Berita Harian pada 28 Disember 2022.

Beliau juga terlibat dalam penulisan teks-teks ucapan Naib Canselor sewaktu menjawat jawatan sebagai Pegawai Khas kepada dua orang Naib Canselor UPSI iaitu Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa dan Prof. Dato' Mohammad Shatar Sabran. Ustaz Muhammad Tarmizi turut terlibat dalam penerbitan buku adalah seperti 'Buku panduan program profesional Ulul Albab', Pusat Ulul Albab

UPSI, 2020, 'Ulul Albab satu jihad', Pusat Ulul Albab, UPSI, 2019, 'Zakaria Kasa: Menzahirkan perubahan dalam pendidikan', A. Halim Ali, Napisah Kepol, M.Tarmizi Abd. Rahman, Maziah Zee Abdullah, 2017, Pejabat Karang Mengarang UPSI, 'Amanat Naib Canselor 2013: Menyubur Kecemerlangan Memperkasakan Kematangan', M.Tarmizi Abd. Rahman, 2013, Penerbit UPSI dan 'Amanat Naib Canselor 2012: Melonjakkan Kecemerlangan Asas Transformasi UPSI', M.Tarmizi Abd. Rahman, 2012, Penerbit UPSI.

Beliau juga terlibat dalam dua geran penyelidikan iaitu 'Sistem Pendidikan Negara: Penilaian Semula Sumber Manusia', Kementerian Pengajian Tinggi (KPT),

berjumlah RM100,000 pada 3 Oktober 2011 (Zakaria Kasa, Ramlee Ismail, Omar Abdull Kareem, Marinah Awang, Junaidi Abu Bakar, Mohd Noor Idris, Raja Nor Safinas Raja Harun, Hamidah Yusof, Zarina Mohd Yaacob, Nurul Anuar Jamasan @ Kasban, Nurul Ashikin Ahmad) dan 'Pembangunan Toy Index Pengujian Permainan Kanak-Kanak', UPSI berjumlah RM50,000 pada 1 Jun 2019.

Beliau juga aktif dalam aktiviti- aktiviti kemasyarakatan. Beliau merupakan Pengerusi Maahad Tahfiz Masjid Al-Hidayah Bandar Behrang 2020 merangkap Imam 1 masjid tersebut. Pada tahun 2023, beliau telah memperoleh tauliah mengajar agama daripada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak Darul Ridzuan dan aktif menyampaikan kuliah-kuliah agama di beberapa buah masjid di Daerah Muallim, Perak.

Perkongsian Ilmu Menyentuh mengenai isu "Excellence Without a Soul" yang mula diperkatakan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia semasa sesi Temu Anwar di UPSI pada 20 Disember 2023 yang lalu. Perbincangan dilanjutkan dalam Program "Executive Talk" oleh Dato' Prof. Md Amin Md Taff, Naib Canselor UPSI pada 8 Januari 2024,



INSPIRASI PENTADBIR

Ustaz Muhammad Tarmizi sangat teruja untuk berkongsi formula T.A.Q.W.A. dalam tadbir urus universiti. Pandangan Abu Hurairah RA apabila ditanya oleh seseorang tentang maksud TAQWA ialah "Pernahkah engkau melewati suatu jalan dan engkau lihat jalan itu penuh dengan duri? Bagaimana tindakanmu untuk melewatinya?" Orang itu menjawab, "Apabila

aku melihat duri, maka aku menghindarinya dan berjalan di tempat yang tidak ada durinya, atau aku langkahi duri-duri itu, atau aku mundur." Abu Hurairah cepat berkata, "Itulah dia TAQWA!"

Secara akronimnya, T ialah 'taqwa' yang didefinisikan oleh HAMKA, istilah mengandunginya taqwa terkandung cinta, kasih,

harap, cemas, tawakal, ridha dan sabar. Taqwa adalah pelaksanaan dari iman dan amal soleh. A adalah 'al-amin' yang disimpulkan sebagai kuat rohani merangkumi iman, spiritual, integriti, cerdas dan kualiti. Q ialah 'al-qawi' bermaksud kuat fizikal yang merangkumi sihat dan cergas. W adalah 'wahdatul fikri' yang menitik beratkan kesatuan fikir, satu misi dan visi. Manakala, A adalah 'wahdatul amal' menuntut semua kakitangan UPSI terutamanya membangunkan kesatuan fikir dan amal dalam melaksanakan tugas dan aktiviti.

Mengakhiri perbualan, ustaz sangat berharap modul T.A.Q.W.A ini dapat diterapkan kepada semua warga UPSI di samping pengamalan nilai-nilai BITARA. Ini dapat memastikan UPSI dapat meneruskan kebitaraannya dan menggapai kecemerlangan dalam setiap aspek bidang pendidikan.







Prof. Dr. Shaharudin bin Abdul Aziz: Tenang tetapi Tegas



Oleh:
Mohd Razalli bin Ahmad
Termizi
razalli@upsi.edu.my

PENGENALAN

Profesor Dr. Shaharudin bin Abdul Aziz dilahirkan di Batu Gajah, Perak pada tanggal 18 Oktober 1963. Beliau telah berkahwin dan dikurniakan lima orang cahaya mata (tiga orang lelaki dan dua orang perempuan). Beliau merupakan graduan lulusan Physical Education di Eastern New Mexico University, USA pada tahun 1985. Memulakan kerjaya sebagai guru Pendidikan Jasmani di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Taiping selama hampir lapan bulan dan kemudian

menyambung pelajaran ke peringkat sarjana pada tahun 1986 hingga 1987 di universiti yang sama. Setelah menamatkan ijazah sarjana, beliau meneruskan khidmat bakti sebagai seorang guru di MRSM Beseri, Perlis sehingga tahun 1993. Beliau terus mengembangkan kerjayanya dengan berkhidmat di Universiti Putra Malaysia (UPM) daripada Jun 1993 sehingga Mei 2002.

Minat yang mendalam terhadap bidang sukan menjadi dorongan untuk beliau menyambung PhD di University of Iowa, USA dengan biasiswa UPM dari tahun 1994 sehingga 1998. Profesor Dr. Shaharudin memulakan kerjaya di UPSI sebagai pensyarah di Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

(FSKPM) pada Jun 2002. Selepas dua bulan, beliau dilantik pula menjadi penyelaras Pusat Sukan UPSI, dan menjawat jawatan Timbalan Dekan Penyelidikan FSKPM pada tahun 2003. Sekitar Jun 2004, beliau dilantik menjadi dekan FSKPM. Beliau sangat aktif dalam menjayakan pelbagai aktiviti dan program berkaitan sains sukan. Profesor Dr. Shaharudin merupakan dekan pertama Fakulti Sains Sukan yang mula ditubuhkan pada 01 Mac 2005. Beliau sangat disenangi oleh pelajar-pelajarnya menyebabkan beliau seterusnya dilantik menjadi Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TNC HEPA selama dua penggal (1 Julai 2007- 30 Jun 2011). Beliau merupakan TNC HEPA termuda dalam kalangan TNC HEPA universiti awam, pada masa itu baru berusia 44 tahun. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dari tahun 2017 sehingga 2020 sebagai wakil senat. Kini, beliau yang merupakan ahli psikologi sukan dan pensyarah di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak Beliau mengkhususkan dalam

psikologi sukan dan minat penyelidikannya termasuk psikologi prestasi, motivasi dan keagresifan dalam sukan. Profesor Dr. Shaharudin telah menerbitkan banyak kertas kerja dalam jurnal berwasit dan buku serta telah mempersembahkan penyelidikannya di persidangan di seluruh dunia. Beliau juga merupakan seorang perunding kepada beberapa organisasi sukan di Malaysia, dan telah bekerja dengan atlet dari pelbagai jenis sukan, termasuk bola sepak, badminton dan bola jaring. Profesor Dr. Shaharudin adalah seorang penyokong tegar penggunaan psikologi sukan untuk membantu atlet mencapai potensi penuh mereka. Beliau percaya bahawa psikologi sukan dapat memainkan peranan penting dalam membantu atlet untuk membangunkan kemahiran mental yang diperlukan untuk berjaya, seperti tumpuan, keyakinan diri, dan daya tahan. Andai kehilangan permata ini, amatlah dirasai oleh segenap lapisan masyarakat atas sumbangan besar beliau.

MENGAPA BERKHIDMAT UNTUK UPSI?

Profesor Dr. Shaharudin sebagai anak negeri Perak, perasaan ingin balik ke negeri asal sentiasa ada

terutamanya selepas Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI) dinaik taraf sebagai Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sentiasa membara dalam dirinya. Faktor seterusnya, ayahnya di Batu Gajah berada dalam keadaan kesihatan tidak memuaskan. Bekerja di Tanjong Malim memudahkan beliau untuk menziarahi ayah beliau. Tambahan pula, ada ura-ura semua fakulti pendidikan di universiti lain akan dikecilkan dan akan *full flexion* (fleksif penuh) di UPSI sahaja. Ini juga antara faktor menggalakkan beliau untuk berkhidmat dengan UPSI.

CABARAN DAN KEJAYAAN DI UPSI

Mengimbuai kembali sejarah penubuhan UPSI, ia bermula dengan empat buah fakulti sahaja. Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) adalah yang terbesar. Kini, dikenali sebagai Fakulti Pembangunan Manusia (FPM). Beliau merupakan pelopor dalam penubuhan Fakulti Sains Sukan. Pada masa tersebut Unit Sains Sukan dengan satu program adalah sebahagian daripada FSKPM. Pada hujung tahun 2003, ia dinaik taraf menjadi Jabatan Sains Sukan dengan tiga program. Semasa pentadbiran Naib Canselor Tan Sri Rais Abdul Karim, beliau meminta Prof. Shaharudin untuk

menyediakan kertas kerja penubuhan Fakulti Sains Sukan. Pembentangan kertas kerja di Jabatan Pengajian Tinggi berjaya dan pada 1 Februari 2005, Fakulti Sains Sukan ditubuhkan. Ia merupakan Fakulti Sains Sukan yang kedua di negara ini selepas UiTM dan kekal sehingga sekarang. Prof. Shaharudin telah dilantik sebagai dekan yang pertama.

Beliau juga telah memperkenalkan program eksekutif pesisir yang pertama di Sarawak pada Jun 2006. Selepas itu diikuti oleh Fakulti Perniagaan dan Ekonomi pada Ogos 2006 (kini dikenali sebagai Fakulti Pengurusan dan Ekonomi). Program tersebut disertai seramai 30 orang pelajar. Selepas menjawat jawatan dekan, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni (TNC HEPA) pada 1 Julai 2007. Semasa menjawat jawatan tersebut, universiti awam masih lagi menggunakan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang lama. Mengikut AUKU lama, sebarang penglibatan politik luar dalam kalangan baik pelajar mahupun kakitangan tidak dibenarkan. Cabarannya, tahun 2005 dan ke atas, kerencaman politik negara begitu hebat. Prof. Dr. Shaharuddin sebagai TNC HEPA perlu memastikan kampus UPSI tidak bergolak



kerana pada masa tersebut pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sedang berlangsung mirip pilihan raya kecil. Ia berlaku kerana wujud pengaruh politik luar yang masuk ke dalam kampus. Antara langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh beliau ialah memastikan calon-calon membawa manifesto sendiri dan mewujudkan kelompok ketiga yang lebih menumpukan untuk memberikan perkhidmatan kepada pelajar-pelajar UPSI

dan tidak terpengaruh dengan politik luar. Ini menyebabkan Prof. Dr. Shaharuddin dapat mewujudkan suasana aman dan tenang di dalam kampus UPSI walaupun pada masa tersebut, UPSI mempunyai seramai 25,000 orang pelajar.

FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN

Semangat setiakawan bersama rakan-rakan mantan Universiti

Putra Malaysia (UPM) yang menyambung perkhidmatan di UPSI seperti Dr. Jabbar Johari, Prof. Datin Noran, En. Yusuf Semahil dan Puan Khadijah adalah antara faktor kejayaan Prof. Dr. Shaharudin menjalankan tugas di UPSI.

Pada masa tersebut, Fakulti Sains Sukan hanya mempunyai 21 sehingga 22 orang pensyarah. Mereka bersama-sama dengan Prof. Dr. Shaharudin membentuk

satu pasukan yang mantap untuk memajukan fakulti. Antara pensyarah-pensyarah Sains Sukan yang menjadi tulang belakangnya pada masa tersebut ialah Dr. Ahmad Hashim, Dr. Mohd. Sani Madon dan Dr. Ong Kuan Boon.

Menyentuh kejayaannya mewujudkan suasana kampus yang aman dan tenteram, beliau menyifatkan ia berkat kerjasama daripada semua pihak dan rakan-rakan di HEPA yang membantu beliau pada waktu tersebut. Di samping itu, beliau berpegang teguh kepada prinsip berhadapan dengan pelajar yang agresif, jangan lawan secara agresif sebaliknya menanganinya dengan tenang tetapi tegas. Contohnya, beliau pernah menolak percalonan seorang pelajar untuk

pemilihan MPP. Pelajar tersebut mempersoalkan penolakan tersebut di dalam satu perhimpunan. Beliau dengan tenang memohon pelajar tersebut bertemu dengannya secara peribadi. Di dalam pertemuan tersebut, Prof. Dr. menunjukkan bukti beliau terlibat dengan politik luar yang menjadi larangan mengikut AUKU pada masa itu. Pelajar tersebut dapat menerimanya dengan baik. Perasaan bertanggungjawab yang ada dalam diri Prof. Dr. Shaharudin menyebabkan kejayaan dalam mengalas tugas sebagai TNC HEPA. Buktinya, beliau pernah menghantar lebih kurang 18 jenazah pelajar UPSI ke rumah masing-masing dalam tempoh empat tahun yang biasanya meninggal disebabkan kemalangan. Ada jenazah yang beliau

hantar sehingga ke Rantau Panjang berdekatan dengan pintu sempadan Thailand, di belakang pekan Rantau Panjang, rumahnya itu didirikan atas parit besar. Ia berbentuk khemah cuma ada dinding kecil dan ada zink sebagai atap. Pelajar Fakulti Sains Sukan tersebut merupakan harapan keluarga dan meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya sementara menunggu hari konvokesyen. Beliau berpendirian untuk kes ziarah kematian oleh pegawai tertinggi ini amat penting kerana ia menunjukkan keprihatinan UPSI terhadap pelajar. Maka, tidak hairanlah semasa beliau menjadi pensyarah biasa semasa pendaftaran pelajar baharu, beliau terdengar dialog seorang bapa menyatakan beliau hendak anaknya belajar



di UPSI. Dalam loghat Kelantannya, bapa tersebut menyatakan “UPSI dia ‘carro’ (mengambil endah, peduli) dengan budak kita...budak dia mati orang besar dia turun...”

KATA-KATA NASIHAT

Prof. Dr. Shaharudin menekankan dalam setiap tindakan hendaklah jujur dan sentiasa berterus-terang. Ini berdasarkan pengalaman beliau ketika menguruskan penghantaran jenazah dua orang pelajar ke Pasir Mas, Kelantan, beliau bermesyuarat bersama YBM Datuk Seri Khaled Nordin dan keesokannya pula program amanat YBM di mana beliau diwajibkan hadir. Beliau nekad berterus-terang kepada YBM tentang dua perkara, pertama beliau lewat hadir ke mesyuarat pada pagi tersebut kerana menguruskan kematian dua orang pelajar tersebut dan keduanya, beliau perlu hadir ke majlis pengebumian pelajar-pelajar tersebut dan perlu bergegas ke Kelantan serta tidak dapat hadir untuk program Amanat YBM keesokannya. Hasilnya, YBM membenarkan Prof. Dr. Shaharudin menghadiri majlis pengebumian tersebut dan tidak perlu hadir majlis amanat beliau. YBM juga mengirimkan salam kepada keluarga berkenaan beserta dua sampul sumbangan wang. Maka berdasarkan

peristiwa tersebut, beliau menyimpulkan tidak salah kita berterus-terang tentang sesuatu perkara yang benar. Seterusnya, Prof. Dr. Shaharudin mengingatkan semua staf UPSI mengenai tiga perkara. Pertamanya, menyeru semua staf UPSI agar menjaga akhlak dan adab kepada Allah, sesama kawan dan di tempat kerja. Menurut beliau setiap ilmu pengetahuan perlu disertakan dengan akhlak dan adab. Apabila Aishah RA ditanyakan perihal akhlak Rasulullah SAW, beliau menyatakan akhlak Rasulullah SAW ialah al-Quran. Bermakna Baginda memiliki akhlak dan keperibadian sempurna. Keduanya, ‘Membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul’. Prof. Dr. Shaharudin memberikan contoh, jika sudah kesuntukan masa untuk ke pejabat, ada yang memecut kenderaan dan melanggar lampu isyarat. Ini dianggap sebagai amalan yang biasa. Menurut Prof. Dr. Shaharudin, jika amalan biasa itu salah dan boleh memberikan cerminan yang buruk kepada keluarga dan masyarakat maka ia perlu dibetulkan sehingga ia terus menjadi kebiasaan. Ketiga, sentiasa berkata benar. Menurut beliau, becakap benar walaupun pahit. Walau bagaimanapun, pendekatan bercakap benar perlu berhikmah agar perasaan orang lain terjaga. Anas bin Malik RA meriwayatkan, Rasulullah

SAW bersabda: “Tidak lurus iman seseorang hamba itu sehingga lurus (lebih dahulu) hatinya. Dan tidak akan lurus hatinya sehingga lurus lidahnya.

PERANCANGAN SELEPAS BERSARA

Prof. Dr. Shaharudin dalam nada bergurau beliau akan menghabiskan waktu persaraan dengan RTM-“rehat tunggu mati” sahaja. Secara rasionalnya, beliau mengakui sementara menunggu waktu tersebut kehidupan perlu diisi dengan perkara-perkara yang bermanfaat. Walau bagaimanapun, beliau sentiasa berdoa agar Allah SWT berikan rasa cukup dengan rezeki yang ada dan hilangkan perasaan untuk bekerja lagi. Itu prinsip beliau tanpa ada niat merendahkan para pesara yang masih bekerja.

Secara jujurinya, Prof. Dr. Shaharudin bercadang untuk menyempurnakan amal ibadah terutama ibadah sunat seperti selawat. Jika dulu hanya dapat 100 sehingga 200 kali sehari tetapi selepas bersara, beliau mensasarkan lebih banyak lagi. Beliau mengakhiri perbualan dengan menyimpulkan akan berusaha beramal ibadah yang selama ini tidak dapat disempurnakan kerana kekangan tugas dan masa.

Saudagaq Sup Jr

ANEKA SUP & NASI AYAM

1988

R E S E P I L A G E N D A



Penangan Sup 'Urat Keting', Saudagaq Sup Junior Jadi Destinasi Menjamu Selera



Oleh:
Nurul Hafizan binti Abdul
Rahman
nurulhafizan@upsi.edu.my

Dari hidangan sarapan pagi hinggalah hidangan sedap untuk makan malam ada di Tanjong Malim yang perlu dicuba. Salah satu kedai yang wajib 'diterjah' bagi penggemar sup utara yang sangat terkenal dalam kalangan warga Tanjong Malim, pelajar UPSI bahkan pengunjung dari luar untuk tidak ketinggalan merasa menu sup di Saudagaq Sup Junior (SSJ) ini.

Bau sup yang semerbak membuka selera pelanggan walaupun berdiri di luar kedai. Mana tidaknya, seperiuk besar sup dan penyediaan makanan diletakkan di kawasan hadapan kedai sekaligus menarik pelanggan untuk menjamu selera.

Saudagaq Sup Junior sebelumnya dikenali sebagai Saudagaq Sup bermula dari tahun 1988. Setelah 14 tahun berniaga di Kedah, pemilik mengambil inisiatif untuk berhijrah bagi melebarkan sayap perniagaannya di Tanjong Malim.

Pemilik, Abdul Razak bin Husin atau lebih mesra disapa Pak Long telah membina legasi perniagaan seawal usia 21 tahun dengan ilham sendiri bersama isterinya yang dikenali sebagai Mak Tam. Tanpa bantuan kewangan daripada mana-mana pihak, beliau terus berusaha memperkenalkan perniagaan tanpa menoleh ke belakang.

RESEPI OLAHAN SENDIRI

Resepi semua menu di SSJ merupakan resepi olahan pengasas sendiri. Justeru, bagi mengekalkan rasa yang konsisten, pengasas menggunakan bahan asas yang bermutu dengan sukatan yang tetap membuatkan SSJ sentiasa dipenuhi oleh pelanggan pelbagai bangsa.

Pada peringkat awal, SSJ bertapak di beberapa lokasi pasar malam sekitar Tanjong Malim seperti di Proton City, Pekan Tanjong Malim, Slim River, Kalumpang,

Felda Besout serta kolej kediaman UPSI. Setelah 10 tahun beroperasi, Saudagaq Sup mengambil keputusan untuk membuka restoran dengan penjenamaan baharu iaitu Saudagaq Sup Junior (SSJ) pada 18 November 2013.

Kedai yang terletak di Taman Universiti, Tanjong Malim merupakan lokasi yang sangat strategik untuk menarik pelanggan. Kedudukannya di jalan utama melepasi Sungai Bernam sekiranya anda datang dari Lebuh raya Utara Selatan menghala ke Behrang.

SSJ terkenal dengan supnya yang sangat sedap. Antara menu yang ada di SSJ ialah bihun sup, kuetiau sup, moi sup (bubur). Kini mereka telah memperkenalkan menu baharu yang mendapat permintaan ramai iaitu nasi ayam yang juga resepi Pak Long dan Mak Tam.

RASA KONSISTEN TAMBAT HATI PELANGGAN

Tiga tahun selepas pembukaan, SSJ mendapat liputan surat khabar tempatan, Harian Metro dan Berita Harian dek kerana menjadi restoran pilihan pengunjung. Kini, setelah 11 tahun beroperasi, SSJ

masih mendapat tempat di hati penduduk sekitar dan luar Tanjung Malim sebagai destinasi menjamu selera sama ada pada hari minggu atau hari bekerja.

SSJ percaya bahawa selain harga yang berpatutan, mutu makanan yang baik dan rasa yang konsisten dapat menjadi tarikan pelanggan dan menambat hati penggemar sup dan nasi ayam.

Kami juga tidak ketinggalan mempromosikan perniagaan melalui media sosial seperti Facebook dan Instagram tetapi kami yakin SSJ lebih dikenali dari bualan mulut ke mulut dan rekomendasi daripada pelbagai pihak.

CABARAN PERNIAGAAN

Dalam perniagaan, modal menjadi cabaran utama. Harga bahan mentah dan barang runcit semakin

meningkat menyebabkan pihak pengurusan perlu mendapatkan pembekal yang menyediakan bahan pada kadar harga yang rendah dan berpatutan. Tidak hanya fokus kepada satu pembekal sahaja malah perlu mendapatkan pembekal dari luar Tanjung Malim.

Selain itu, pilihan makanan yang pelbagai di sekitar lokasi premis yang menyediakan banyak pilihan makanan utama memberi ruang kepada pelanggan untuk membuat keputusan mengikut selera dan bajet masing-masing.

Pekerja yang tidak kekal lama juga menjadi salah satu cabaran disebabkan kebanyakan pekerja merupakan pekerja sambilan dan kemudiannya memilih untuk berhenti sama ada untuk peluang yang lebih baik atau melanjutkan pelajaran ke

peringkat lebih tinggi. Cabaran untuk mengekalkan reputasi. Penggunaan media sosial memberi cabaran kerana ada sesetengah pelanggan yang mengambil jalan mudah untuk meluahkan ketidakpuashatian mereka di media sosial termasuk review di aplikasi penghantaran ke rumah. Penilaian rendah oleh pelanggan turut memberi kesan buruk kepada prestasi perniagaan kami. Namun, kami mengambil pendekatan dengan membuat penambahbaikan berdasarkan komen-komen yang diberikan pelanggan.

PAHIT MANIS DUNIA PERNIAGAAN

Antara pengalaman manis sepanjang menjalankan perniagaan adalah menjadi sebutan penduduk setempat dan luar kawasan Tanjung Malim serta masih menerima kunjungan pelanggan setia sejak 11 tahun pembukaan SSJ.

Kehilangan pengasas yang menjadi *support system* kepada seluruh team SSJ menjadi pengalaman paling pahit kerana beliau telah banyak memberi tunjuk ajar dan ilmu perniagaan yang masih diaplikasikan sehingga kini.

PEMBAHARUAN ATAU INOVASI KEPADA MENU

Menyedari kehendak pelanggan yang





menginginkan tambahan menu, pihak SSJ masih dalam perbincangan untuk menyediakan sup daripada pelbagai bahagian daging lembu supaya dapat memberi banyak pilihan dan kepuasan kepada pelanggan yang menggemari aneka sup.



Pihak SSJ juga merancang untuk menghasilkan produk baharu dengan harga berpatutan, memperbaiki sistem pengurusan kedai dan menambahbaik kualiti makanan sedia ada.

TERUS BELAJAR ILMU PERNIAGAAN

Setiap pekerjaan harus dimulakan dengan ilmu begitu juga kali pertama

ingin membuka perniagaan. Seterusnya, anda perlu berani menghadapi cabaran daripada aspek pengurusan modal, pengoperasian perniagaan dan pihak berkuasa. Anda juga harus berfikiran positif dan maju ke hadapan selain berlapang dada menerima teguran. Pesanan akhir, ketika sudah selesa dalam bidang perniagaan, teruskan belajar selok belok perniagaan dan menambah ilmu daripada usahawan yang berjaya.

NOTA:

Pengasas Sup Saudagar Junior, Abdul Razak bin Husin telah meninggal dunia pada 21 Oktober 2023. Al-Fatihah.



Surau An-Nur Warisan SITC



Oleh:
Dr. Raja Ahmad Shalaby bin
Raja Hassan
shalaby@upsi.edu.my

PENDAHULUAN

Surau merupakan bangunan tempat berhimpun bagi penganut agama Islam. Ia digunakan terutamanya untuk menjalankan kegiatan ibadah dan keagamaan. Secara umumnya struktur binaan surau lebih kecil, namun fungsinya hampir sama dengan masjid iaitu sebagai tempat sembahyang berjemaah, menimba ilmu agama dan meningkatkan syiar Islam, semua lelaki dan wanita dibenar menggunakannya.

Di dalam kawasan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Tanjong Malim, Perak terdapat sebuah surau kecil warisan dari zaman SITC yang boleh memuatkan kira-kira 100 orang jemaah pada satu-satu masa. Surau ini dinamakan sebagai Surau An-Nur setelah mengalami

evolusi pendidikan dari zaman SITC-MPSI-IPSI yang dinaik taraf sebagai UPSI pada tahun 1998. Surau An-Nur mempunyai nilai sejarahnya yang tersendiri, kini ia berusia lebih 100 tahun.

PERIHAL BANGUNAN

Bangunan Surau An-Nur dibina serentak dengan Bangunan Suluh Budiman yang menjadi mercu tanda UPSI. Inilah surau binaan daripada batu konkrit yang pertama di Tanjong Malim. Kerja-kerja pembinaannya bermula pada Ogos 1919 dan siap untuk digunakan pada November 1922. Bangunan surau ini mempunyai seni bina Belanda ala Gothic zaman pertengahan, dindingnya diperbuat daripada simen yang menggerutu di bahagian luar serta disokong oleh turus-turus yang melebar di bahagian bawah. Manakala tingkapnya pula lebar dan berdaun tiga, terdapat dua tingkap di bahagian

hadapan serta dua di kiri dan kanan dinding surau, menjadikan jumlah enam tingkap semuanya. Terdapat empat pintu yang berdaun dua dan agak tinggi di bahagian kiri dan kanan surau, manakala dua pintu di bahagian hadapan yang menjadi pintu utama. Ini menjadikan jumlah pintu sebanyak 10 buah untuk memasuki bahagian ruang solat utama yang dianggarkan berkeluasan 50 x 23 kaki persegi. Di sekeliling ruang utama terdapat anjung atau kaki lima selebar 6 kaki yang boleh memuatkan tiga orang jemaah di setiap saf sekiranya bahagian ruang solat utama sudah penuh. Di sekeliling anjung ini juga telah dipasang pagar besi yang menjadi dekorasi cantik dan menghalang binatang daripada memasuki kawasan surau. Surau ini berlantaikan simen dengan hamparan permaidani berwarna coklat dan beratap genting berwarna merah



hati. Alangnya diperbuat daripada kayu dan dicat dengan warna kuning susu, tampak tinggi sesuai untuk sistem pengudaraan yang lebih segar dan nyaman. Terdapat tempat mengambil wuduk yang selesa dan bilik air moden untuk kegunaan jemaah lelaki dan perempuan berhampiran dengan pintu masuk utama. Tukang-tukang yang membina surau ini dibawa khas dari Tanah Jawa dan juga buruh mahir berketurunan Cina dari Tanah Besar China. Bangunan surau ini direka bentuk oleh seorang arkitek terkenal dari Negeri-negeri Melayu Bersekutu bernama

Masjid Sultan Sulaiman, Klang pada tahun 1933.

KEGUNAAN YANG PELBAGAI

Surau ini dibina sebagai kemudahan tempat penuntut dan kakitangan SITC menunaikan kewajipan rukun Islam kedua mereka iaitu mengerjakan sembahyang lima waktu. Namun penggunaannya pelbagai fungsi serta aktiviti sesuai dengan keperluan atau keadaan semasa. Selain daripada solat berjemaah, di surau ini juga penuntut SITC berkumpul untuk membincangkan kegiatan persatuan-persatuan pelajar.

dapat pulang ke kampung diadakan di sini.

Di zaman SITC, sejak ditubuhkan pada 1922, surau ini dikelolakan oleh Haji Yunus bin Haji Abdul Shukur yang dilantik sebagai Pengawas Surau yang pertama. Beliau bertanggungjawab mengajar al-Quran dan fardu ain kepada penuntut-penuntut SITC. Kemudian pada 9 Mei 1925, beliau dilantik sebagai Senawi Religious Instructor. Tugasnya semakin mencabar dan sibuk kerana terpaksa mengajar di surau dan bilik-bilik darjah untuk pelajaran Pengajian Agama Islam kepada semua penuntut yang terdiri daripada anak-anak Melayu. Pada tahun 1927, Haji Ja'afar bin Abdul Rashid yang lebih dikenali dengan gelaran Lebai Jaafar melapor diri di SITC serta dilantik menjadi penolong kepada Haji Yunus. Di antara tugas mereka berdua ialah menjadi imam, menyampaikan kuliah dan mengimarahkan surau dengan pelbagai program seperti ceramah, berzanji dan menganjurkan sambutan hari kebesaran Islam. Mereka juga menjadi penasihat kepada aktiviti-aktiviti keagamaan kepada penuntut SITC.

Pada tahun 1936, jawatan Senawi Religious Instructor disandang pula oleh Haji Wan Abdul Rahman bin



Leofric Kesteven. Kesteven pernah menjawat jawatan sebagai Pengerusi Malayan Institute of Architects dari tahun 1931 hingga 1933. Beliau juga merupakan arkitek yang melukis pelan

Acara-acara kebesaran Islam dan keagamaan seperti sambutan Maal Hijrah, Israk Mikraj, Nisfu Syaaban, Nuzul al-Quran, Solat Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha bagi mereka yang tidak

WARISAN IBU KANDUNG

Wan Muhammad yang berasal dari Perak. Beliau juga dilantik sebagai Pengawas Surau. Pada 1941, Lebai Yahya bin Abdul Wahid melapor diri dan dilantik sebagai penolong kepada Haji Wan Abdul Rahman dengan jawatannya sebagai Penolong Pengawas Surau. Setelah lapan tahun berkhidmat, Lebai Yahya bersara pada Ogos 1949 dan diganti dengan Haji Hassan bin Haji Muhammad sebagai Penolong Pengawas Surau. Jawatan Senawi Religious Instructor dan Pengawas Surau masih lagi dipegang oleh Tuan Guru Haji Wan Abdul Rahman bin Wan Muhammad. Beliau merupakan guru agama yang paling berjasa dan lama berkhidmat di SITC, kemudiannya menjadi ulama besar tanah air. Di antara jasanya ialah beliau menghapuskan amalan khurafat Mandi Safar yang diamalkan oleh umat Melayu-Islam pada zaman dahulu, khususnya di Kelantan, Terengganu, Melaka dan

Negeri Sembilan. Perayaan ini disambut pada hari Rabu terakhir bulan Safar, iaitu bulan kedua dalam kalendar Islam. Seluruh SITC bercuti pada hari tersebut. Tuan Guru Haji Wan Abdul Rahman meninggal dunia pada 1966 ketika berumur 67 tahun.

DIKENALI SEBAGAI SURAU PAK ARIS

Pada zaman MPSI, Surau An-Nur juga dikenali sebagai Surau Pak Aris, sempena nama seorang jurugambar yang bertugas di MPSI sekitar tahun 1980-an yang dikatakan gigih menguruskan surau ini. Sepanjang perkhidmatannya di MPSI, Pak Aris selalu membersihkan serta mengemas surau ini, malah beliau menganggap surau ini sebagai 'rumah kedua' kerana sering berehat atau tidur di surau ini sehinggakan penuntut dan kakitangan MPSI menamakan surau ini sebagai Surau Pak Aris. Pak

Aris tinggal di Kampung Ketoyong dan meninggal dunia sekitar tahun 2017.

Bangunan Surau An-Nur merupakan salah satu daripada 10 buah bangunan yang dilindungi dan dijadikan bangunan warisan di UPSI. Pada 2009 surau ini telah dibaik pulih, dicat baru serta dilengkapi dengan alat pendingin hawa dan sistem pembesar suara yang moden. Ia kemudian diletakkan di bawah pengurusan Pusat Islam UPSI yang diketuai oleh Ustaz Muhammad Tarmizi bin Abdul Rahman yang menjadi pengarah sejak 2020. Pada bulan Ramadan, di surau ini turut diadakan solat sunat tarawih yang diimamkan oleh pelajar-pelajar Program Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran wal Qira'at (Dengan Pendidikan) UPSI. Surau An-Nur terus hidup dan aktif digunakan sebagai tempat ibadat dan riadah kepada semua pengunjung yang mencintainya.







“Jadikan Che Nom Sebagai Inspirasi, Azuaniza Melangkah Berani Jana Pendapatan Melebihi Gaji”



Oleh:
Nurul Hafizan binti Abdul
Rahman
nurulhafizan@upsi.edu.my

Siapa yang tidak kenal figura ini yang lebih dikenali sebagai ‘Mama Hahae’ dalam golongan peminat kek dan pastri. Azuaniza binti Muhamad Husin, berasal dari Kuala Kangsar, Perak dan kini menetap di Batang Kali, Selangor.

Suka ketawa, ceria dan kuat mengusik, ibu kepada dua orang cahaya mata lelaki berumur 21 dan 16 tahun bertugas sebagai Pembantu Akauntan di Fakulti Pembangunan Manusia.

“Hahae adalah singkatan daripada nama anak-anak saya iaitu Haziq dan Haezriq. Nama singkatan yang sangat mudah diingat,”katanya.

KISAH AWAL KERJAYA

“Saya memulakan sesi persekolahan peringkat rendah di Sekolah Kebangsaan Laneh, Padang Rengas, Perak seterusnya di Sekolah Menengah Tun Perak, Padang Rengas, Perak. Habis sekolah menengah, saya menyambung pengajian Diploma in Accountancy (Franchise UiTM) namun tidak dapat meneruskan

pengajian atas sebab masalah keluarga.”

“Namun, semua kegagalan itu tidak mematahkan semangat saya untuk mendalami bidang kewangan dengan memulakan kerjaya sebagai Data Entry di Radicare (M) Sdn Bhd (Perkhidmatan Sokongan Hospital pada tahun 2005 hingga 2009. Selepas itu, saya menjadi Pembantu Akauntan di Perspec Prime (M) Sdn Bhd bagi projek Double Track Project Rawang-Ipoh dari tahun 2001 hingga tahun 2004 serta Pembantu Akauntan di Pernas Engineering (M) Sdn Bhd (Transmission Line TNB) pada tahun 1999 hingga tahun 2001.”

MULA BUAT KEK SEKADAR SUKA-SUKA

Bercerita bagaimana dia mula terbabit dalam perniagaan bakeri sejak tahun 2014, Azuaniza berkata pada awalnya pembabitannya dalam perniagaan hanyalah sekadar suka mencuba menghasilkan pelbagai kek dan menjamu rakan-rakan kerana sudah menjadi minat dan hobinya membuat pelbagai jenis kek. “Siapa sangka, bertitik tolak dari situ, mereka

mula membuat tempahan. Ada kalanya menu yang dibuat adalah berdasarkan permintaan pelanggan. Minat yang mendalam dalam pembuatan kek telah menjadi sumber pendapatan tambahan kepada saya. Hasil dari keuntungan berniaga dapat membantu meringankan kos sara hidup dan dapat memiliki apa yang diinginkan tanpa terikat.”

“Saya belajar cara penghasilan kek dengan cara yang betul dan sedap menerusi kelas secara bersemuka dan secara dalam talian. Kadang-kadang, penghasilan sesuatu produk adalah hasil daripada kajian sendiri.”

BINA LEGASI

Tidak semudah yang disangka untuk meneruskan perniagaan ini tanpa sokongan sepenuhnya ahli keluarga. Azuaniza yang menggunakan wang simpanan sendiri untuk dijadikan modal permulaan dan membeli peralatan bakeri yang dimiliki sekarang.

“Suami dan anak-anak banyak membantu dalam proses penyediaan dan penghasilan produk. Rakan-rakan di sekeliling

DI SEBALIK PROFESION

juga sangat menyokong serta membantu dengan cara membeli dan menguar-uarkan produk keluaran saya. Mereka juga banyak memberi semangat untuk mengembangkan bisnes saya dengan cara memberi pendapat dan idea bagi penambahbaikan setiap produk. Selain itu, platform media sosial juga menjadi penyumbang dalam mempromosikan produk hasil tangan saya.”

PEMBAHARUAN DAN INOVASI KEPADA PRODUK

Saya sentiasa melakukan pembaharuan dan mempelbagaikan jenis

kek di samping inovasi bagi memenuhi kepuasan pelanggan. Boleh dikatakan kesemua produk telah diubah resepihnya kerana ia akan dihasilkan mengikut citarasa saya sendiri seperti pencuci mulut, kek dan biskut yang kurang manis. Selain daripada itu, hasrat untuk menyediakan produk dan perkhidmatan berasaskan bakeri yang halal untuk pelanggan beragama Islam juga telah menjadi pendorong kepada saya untuk menceburi bidang perniagaan yang kebanyakannya dipelopori

oleh kaum bukan bumiputera.

“Saya juga dapat menyumbang ke arah peningkatan bilangan bumiputera yang menceburi bidang perniagaan yang mencabar ini di samping dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada staf yang lain. Seperti contoh, saya membuka ruang dan peluang kepada kakitangan UPSI yang berminat untuk menjadi agen kepada produk jualan saya.

CABARAN PERNIAGAAN

Menurutnya, meskipun terdapat persaingan dalam kalangan usahawan bagi produk yang sama dalam pasaran, namun Azuaniza percaya kek yang dihasilkan mempunyai keunikan tersendiri memandangkan setiap penghasilannya mengguna bahan premium berkualiti tinggi bagi memenuhi kepuasan pelanggan.

“Bila ada peniaga di sekitar saya yang berniaga produk yang sama, itu bukan penyebab untuk saya mengundur diri kerana pembeli berhak untuk memilih dan saya memandangi ianya satu persaingan yang sihat.”

Azuaniza mendedahkan, dia pernah mengalami kerugian akibat daripada salah penggunaan ketuhar (Convection Oven) yang baharu disebabkan sebab cara dan suhunya berlainan dari ketuhar biasa.



PERLU BIJAK BAHAGI MASA

Memegang tanggungjawab sebagai seorang isteri, ibu, usahawan dan jawatan hakiki sememangnya bukan satu tugas mudah. Bagaimanapun, Azuaniza sentiasa optimis dan cuba menjalani kehidupan dengan sebaik mungkin demi memastikan setiap perkara yang diimpikan dapat dipenuhi dengan baik.

“Saya akan hadkan tempahan sekiranya terlalu sibuk dengan kerja hakiki. Saya juga akan hadkan menu bagi setiap hari sekiranya terdapat pelbagai menu permintaan pada hari tersebut.”

TARUH PELANGGAN KEPERCAYAAN

Menurut Azuaniza, sambutan yang diberikan oleh pelanggan menjadi pembakar semangat kepada beliau untuk terus berjaya di dalam bidang ini.

“Seronok bila hasil produk saya dihargai. Apabila banyak permintaan maknanya mereka menaruh kepercayaan kepada saya untuk menyiapkan tempahan mereka.” Azuaniza yang juga berbakat menjahit ini pernah dilantik sebagai Chef jemputan bagi Program Appreciating Frontliners pada April 2021 di mana

peluang ini membuatkan kerjaya sambilan ini lebih dikenali.

“Saya juga pernah menyertai Pertandingan Memasak Campak-campak Siap Anjuran PEWARIS 2022 dan mendapat tempat kedua.”


AZAM DAN IMPIAN

Azuaniza berazam untuk memperkasakan unit kewangan fakulti dengan pembahagian masa di antara kerjaya dan perniagaan. UPSI sentiasa memberi peluang dan ruang penjana kepada kakitangan dengan adanya program seperti UPSI Payday Bazaar.

“Sekiranya diberi peluang, saya memilih Le Cordon Bleu, Paris kerana fasiliti terkini dan kepakaran dalam bidang bakeri tersedia di sana. Ia juga tersenarai dalam Top 10 Institut Latihan Pastri terbaik di dunia.”

TITIPAN INSPIRASI

Apa jua yang kita lakukan perlu ada “minat” dan “ikhlas” kerana ia akan membuatkan kita rasa enjoy dan seronok untuk melakukan pekerjaan tersebut tanpa rasa terpaksa. Buat sehabis baik! Itulah mantera yang saya pegang sehingga kini.





Rentak Juara – “Saya tak akan join hanya untuk hobi atau suka-suka. Saya nak jadi juara”. Dari drummer ke gelanggang basikal.



Oleh:
Ramli bin Mosmin
ramli_m@upsi.edu.my

LATAR BELAKANG

KIB nama panggilan yang biasa digunakan buat insan yang bernama Muhammad Khairul Izwan bin Mohd Basri. Tetamu kami bagi keluaran kali ini merupakan Ahli Muzik yang bertugas di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan. KIB kini semakin mencipta nama dalam bidang muzik terutamanya dalam alat muzik drum dan acara berbasikal MTB XCO. Dilahirkan di Hospital Besar Sultanah Aminah, Johor Baharu, Johor dari keluarga kecil yang mempunyai hanya dua beradik sahaja. Arwah bapanya seorang pemain drum Major Tambo

Rejimen Kedua Kor Armor DiRaja dan ibunya seorang suri rumah. Merupakan anak sulung dan sejak kecil hinggalah menginjak remaja, tetamu kali ini mendapat pendidikan di sekitar daerah Port Dickson. Pada awal persekolahan hingga remaja KIB sangat cenderung dalam bidang sukan terutamanya sepak takraw dan bola sepak. Ini terbukti apabila minat dalam kedua sukan ini melayakkan KIB menyarung jersi hingga ke peringkat MSSD ataupun daerah pada masa itu. Kecenderungan minat terhadap bola sepak dapat dilihat apabila sanggup berjimat duit belanja yang diberikan oleh bapanya untuk disimpan bagi membeli majalah bola sepak terbitan luar negara sebagai koleksi dan mengikuti berita idolanya

dalam bidang bola sepak. Ditambah pula bapanya sangat menyokong anaknya terlibat dalam bidang sukan. Pada awal perkembangannya tidak terlintas untuk terlibat dalam bidang muzik, walaupun bapanya bermain alat muzik tambo dalam pasukan angkatan tentera.

Selepas menamatkan pelajaran di tingkatan lima, beliau melanjutkan pelajaran dalam diploma Muzik dan Persembahan di UiTM Shah Alam. Di sinilah baharu beliau mula memilih alat muzik dalam subjek pengajiannya. Tanpa ada apa-apa asas ilmu dalam muzik berbanding pelajar-pelajar yang lain merupakan satu cabaran besar buat dirinya. Memilih alat muzik drum kerana merasakan satu alat muzik





GLUTINOUS RICE 5% BROKEN (LONG)

yang mudah dimainkan. Semasa belajar beliau bukanlah seorang *drummer* yang hebat berbanding pelajar-pelajar yang lain. Mengakui dia hanyalah *drummer* biasa-biasa sahaja. Secara tidak langsung meningkatkan keyakinan bagi pembaca di luar sana yang baharu berminat untuk memainkan alat muzik tidaklah terlambat untuk menceburkan diri dalam bidang muzik di usia yang agak lewat kerana menurut kata KIB, yang paling penting dalam bidang muzik ialah minat, disiplin dan semangat untuk berjaya ditambah ilmu dalam bidang tersebut yang perlu digali dan dicari.

Tinggal di bandar besar merupakan satu cabaran dalam menampung kehidupan sebagai pelajar. Melalui kemahiran baharu sebagai pemain drum, KIB mula mencari peluang sebagai tenaga pengajar di sekolah-sekolah muzik swasta dan mencari pendapatan dan duit poket sebagai *freelancer* dalam muzik. Melalui kerja *part time* ini beliau berkenalan dengan orang-orang seni yang mejadi titik tolak untuk bekerjasama dengan barisan artis ternama negara. Bermula dengan tawaran sebagai pemain drum dalam band yang mengiringi persembahan Talk Show AC DI SINI setelah dihidu bakatnya oleh rakannya dalam industri. Beliau terus melangkah

dan tidak menoleh ke belakang lagi apabila sering menjadi pilihan untuk artis mencari pemain drum dalam mengiringi persembahan mahupun menjadi pemain drum jemputan dalam penyediaan album. Semasa masih dalam kuliah beliau sudah mampu membeli kereta sendiri bagi memudahkan pergerakannya. Dengan komitmen yang lebih ini maka beliau terus meluaskan kerjasama bersama artis ternama seperti Once (DEWA 19), Ella, Awie (Wings), Man Bai, Zamani SLAM, Nora Ariffin, Bob Yusof, Awi Rafael, Zailan Razak, Faizal Uzir ("Lok U") dan ramai lagi. Beliau selesa bergerak secara solo berbanding bermain di dalam band kerana ingin bebas memainkan pelbagai genre muzik berbanding terikat dengan hanya satu genre yang menjadi identiti mana-mana band yang akan disertai.

PENDIDIKAN DAN BIBIT PENGLIBATAN DALAM BIDANG MUZIK

Setelah hasrat beliau untuk memasuki sekolah sukan di Bukit Jalil tidak direstui oleh kedua orang tuanya, beliau cuba memberi fokus kepada pelajaran yang disokong oleh bapanya bagi menjamin kerjaya yang lebih baik pada masa hadapan. Oleh itu KIB kekal di sekolah biasa berdekatan dengan rumah ibu bapanya iaitu Sekolah

Tinggi Port Dickson dalam jurusan Sains sebelum melanjutkan pelajaran di UiTM dengan mengambil jurusan Diploma Seni Muzik bermula 2003 hingga 2007. Inilah satu-satunya latihan secara formal yang diperoleh oleh beliau dan mula berjinak dengan dunia muzik yang belum pernah beliau lakukan semasa zaman sekolah. Berbekalkan prinsip tidak mengalah dan berjiwa pejuang dan akan melakukan sesuatu perkara itu bukan sekadar hobi tetapi boleh menjadi kerjaya. Akhirnya beliau berjaya menjadi seorang *drummer* yang dipercayai dalam kalangan artis ternama pada masa tersebut.

KERJAYA AWAL SEBAGAI AHLI MUZIK

Setelah menamatkan pengajian diplomasnya KIB meneruskan kerjaya sebagai guru di sekolah muzik swasta di samping tampil sebagai pemuzik pengiring secara *freelance*. Dalam masa yang sama KIB mencari peluang pekerjaan di sektor kerajaan atas dorongan ayahnya. Akhirnya beliau berjaya diterima berkerja di UPSI apabila Ketua Unit Muzik, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan Encik Suniza sedang mencari *drummer* untuk pasukan UPSI. Cabaran yang berbeza dihadapi olehnya ketika permulaan kerjayanya di UPSI kerana budaya dan cara kerja yang berubah

secara total berbanding semasa menjadi *freelance* di dalam industri muzik arus perdana. Perlu hadir awal dan *punctual* mengikut masa yang ditetapkan merupakan antara cabaran awal yang perlu diserap dalam budaya kerja yang baharu buatnya. Selain itu tawaran gaji dari UPSI yang lebih rendah berbanding semasa *freelancer* menjadi cabaran utama. Hampir separuh pendapatannya telah hilang. Kini tugas harian KIB ialah mengajar pelajar diploma dan ijazah dalam instrumen muzik bagi alat muzik drum. Selain menjadi pemuzik pengiring muzik semasa acara-acara seperti Majlis Konvokesyen, beliau diberikan tugas 20 jam mengajar dalam seminggu. Kini, minat dalam bidang muzik lebih kepada mengajar dan tidak lagi sebagai seorang pemuzik. Untuk meningkatkan kerjaya yang lebih baik KIB telah menyambung pelajaran ke peringkat sarjana tanpa mempunyai ijazah dengan menggunakan pengalaman sebagai syarat untuk melanjutkan pelajaran melalui program (APEL) dengan mengambil kursus sarjana muzik persembahan di UPSI dan berjaya bergraduat pada tahun 2022. Kejayaan menggengam sarjana merupakan kejayaan yang paling manis dalam hidupnya kerana tidak ramai pemuzik yang mementingkan pelajaran

dalam menambah pengetahuan dalam ilmu yang diceburi. KIB menekankan sekali lagi untuk berjaya dalam muzik perlu ada ilmu, disiplin dan keinginan (minat) yang berterusan.

RIDER PKP (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN)

Tidak malu dipanggil rider PKP, KIB menyatakan setelah menceburi sukan berbasikal beliau bukan hanya terlibat untuk suka-suka dan hobi sebaliknya mencabar diri untuk bertanding dan memenangi pertandingan utama. Minat dalam sukan berbasikal mula terbit apabila seluruh dunia dikenakan perintah kawalan pergerakan. Mengakui lahir dan minat sebagai pelumba basikal semasa zaman PKP dan mula jatuh hati pada sukan ini. KIB mula mengkaji sukan ini dengan merujuk di You Tube dan melayari mana-mana halaman web yang berkaitan basikal untuk mendapatkan maklumat tambahan tentang basikal. Basikal yang diminati ialah kategori berbasikal MTB *off road* kerana lebih mementingkan *skill* berbanding kategori Roadbike. Setelah membuat sedikit *research* dan beli basikal sendiri, dan mencari kawan-kawan *ride* di facebook kerana belum mengenali rider yang ada di UPSI. Bermula dengan mengenali saudara Taufik yang bertugas sebagai

pegawai keselamatan semasa minum dan kemudiannya berkenalan dengan saudara Ritaudin yang merupakan figura besar dalam acara berbasikal di UPSI. Maka bermulalah perjalanan beliau sebagai pelumba basikal yang semakin meningkat naik dan menyumbang beberapa kejayaan di peringkat UPSI dan kejohanan-kejohanan luar. Pengalaman yang agak menggelikan hati apabila mengenang semula ketika memulakan minat sukan ini ialah mengenakan kasut getah khas untuk menoreh getah semasa mengendalikan basikal.

Menceburi sukan ini perlu sokongan dari keluarga kerana ia memerlukan komitmen masa yang sangat banyak sama ada semasa latihan mahupun semasa menyertai mana-mana kejohanan. Bapa kepada seorang anak ini sangat bersyukur kerana isteri dan keluarga sangat menyokong minat beliau dan sering mengikut mana-mana kejohanan yang disertainya. Mengorbankan masa tidur untuk bangun lebih awal demi melakukan latihan basikal seawal jam tiga pagi. Kecekalan dan semangat ini tidak akan dapat diperolehi tanpa sokongan insan istimewa iaitu isteri, Mawar Abd Latiff tambahan pula sedang bahagia membesarkan anak lelaki yang baru berusia 1 tahun 5 bulan. Walaupun

menyertai sukan ini agak lewat ketikan berusia lewat 30-an ia tidak mengendurkan semangat beliau dalam sukan yang semakin dicintai ini. Bermula dengan mensasarkan pencapaian terbaik di Kiesta pada tahun 2022 dan keputusannya beliau telah berjaya menjuarai kategori lelaki senior. Kejayaan ini melayakkan beliau untuk mewakili UPSI di kejohanan SUKUM 2022 yang diadakan di UPM. Oleh kerana kekurangan pengalaman satu kesilapan teknikal yang tidak akan dilupakan buat selamanya menyebabkan beliau terlepas pingat perak dan hanya mendapat pingat gangsa. Walau bagaimanapun sebagai pelumba basikal yang masih baharu, ia merupakan kejayaan yang sangat besar dan mengharumkan nama UPSI dalam acara basikal.

Bakat dan kehebatan beliau dalam sukan basikal terutamanya dalam kategori MTB XCO telah menarik beberapa penaja untuk menaja beliau dalam beberapa kejohanan MTB XCO di peringkat kebangsaan iaitu Hutan Ration, Tannus Armour (Ecocana Sports) dan Prodiium Bike Solution

Mengakhiri perbualan dalam sesi pertemuan singkat ini beliau menegaskan bahawa keinginan yang sangat tinggi untuk mencapai pencapaian terbaik peribadi dalam sukan berbasikal dengan mewakili MAKSAM dan memenangi kejohanan dalam kejohanan XCO MTB Kebangsaan.



PENCAPAIAN Muhammad Khairul Izwan bin Mohd Basri (KIB)

BIL	KEJOHANAN/ PROGRAM	PENCAPAIAN
1	Kejohanan MTB Johor Series 1 - 2022 (Johor)	No. 5
2	Kejohanan MTB Kebangsaan 2022 (Putrajaya)	No. 6
3	SUKUM 2022 (UPM)	Gangsa
4	Kiesta UPSI (MTB)- 2022	Emas
5	Kiesta UPSI (Roadbike)- 2022	Emas
6	Kiesta UPSI (MTB)- 2023	Emas
7	Kiesta UPSI (Folding bike)- 2023	Emas
8	Kiesta UPSI (MTB-Kumpulan)- 2023	Emas
9	OCBC CYCLE RACE - 2023	No. 1
10	KOM Attack Series - 2023	No. 2
11	MTB National Champ	No. 6, No. 9
12	Selangor King Of Mountain (KOM) Fraser's Hill	No. 5



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS KELUARAN 8/2023 BIL. 18

Inspirasi